



**MESRA**  
...Mohd Ali (tengah) beramah mesra dengan peserta kursus bengkel pembinaan usahawan Bahagian Kepala Batas di Ayer Keroh, semalam.

# Promosi Hab Halal segi tiga

## Melaka minta kerjasama Miti laksana projek

>>Oleh Mohd Zaidi Ya'acob

am@hmetro.com.my

**M**ELAKA: Kerajaan negeri giat mempromosikan Melaka Halal Hab di kawasan Perindustrian Serkam, Jasin, di sini, menjadi hab halal untuk kawasan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, beliau akan meminta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) membantu melaksanakan perkara itu.

"Sekarang ini kita sudah ada berpuluhan syarikat tempatan dan luar negara yang beroperasi di Melaka hab halal dan nampaknya ia mampu berkembang lebih pesat jika dapat dijadikan hab halal bagi IMT-GT."

"Malah, hari ini pun kita lihat produk halal semakin luas di peringkat global, bukan saja di kalangan masyarakat Muslim, tetapi kepada ma-

syarakat bukan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Bengkel Pembinaan Usahawan Bahagian Kepala Batas anjuran Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) di Hotel King's, Bukit Katil, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Bahagian Pembangunan Ekonomi Perda, Saadin Kadir dan Pengerusi Veteran Usahawan Bahagian Kepala Batas, Rokiah B Hassan.

Katanya, selain memenuhi kehendak persijilan halal seperti Good Manufacturing Practice (GMP) Melaka Halal Hab juga bersedia dari segi kualiti, pemasaran dan bekalan untuk dijadikan hab halal IMT-GT.

"Di sini, Syarikat Pemasaran Melaka sudah melaksanakan tugasnya dengan baik bagi memastikan kualiti, pemasaran dan bekalan berjalan lancar tanpa sebarang masalah," katanya.

Beliau turut mencadangkan kepada Perda supaya mengerakkan kerjasama

antara usahawan mikro di Kepala Batas dan Melaka terutama dalam bidang industri kecil dan sederhana (IKS).

Sementara itu, Saadin berkata, menerusi kerjasama yang terjalin bersama kerajaan negeri sebelum ini, pihaknya sudah memasarkan lebih 60 produk IKS dari Pulau Pinang di Melaka di premis Satu Daerah Satu Industri di Kota Fesyen, Ayer Keroh.

"Melalui kerjasama ini, kami berpeluang mempelbagaikan produk dengan memasarkan produk IKS yang kebanyakannya terdiri daripada kasut, kopiah dan jeruk yang mendapat sambutan amat menggalakkan," katanya.

Menurutnya, bengkel tiga hari bermula 4 Jun itu disertai 80 peserta bertujuan membantu usahawan mikro memperoleh ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan menerusi seminar dan lawatan dianjurkan, sekali gus memperluaskan jaringan perniagaan antara Melaka dan Pulau Pinang.